

*Dibatalkan oleh 5/94.*

(57)

MAHKAMAH TINGGI,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

Bil: (54)dlm.JK/MA 38  
Vol.IV  
Tarikh: 3 Jun, 1994

Semua Timbalan Pendaftar/  
Penolong Kanan Pendaftar,  
Bahagian Dagang dan Sivil,  
Mahkamah Tinggi,  
KUALA LUMPUR.

Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 1994

Kes-Kes Perbicaraan Dalam Kamar Hakim  
Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (Bahagian Dagang dan Sivil)

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Saya telah diarah oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya untuk memaklumkan bahawa mulai daripada 1 Jun, 1994, Y.A. Tuan Low Hop Bing, Pesuruhjaya Kehakiman, telah ditempatkan untuk bertugas di Mahkamah Tinggi (Jalan Raja) Kuala Lumpur. Beliau akan membantu untuk mendengar kes-kes perbicaraan di dalam kamar bagi semua Mahkamah-Mahkamah Bahagian Dagang dan Sivil, yang didaftarkan selepas tarikh surat ini.

3. Untuk tujuan tersebut, semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar bagi Mahkamah-Mahkamah berkenaan hendaklah merujuk fail-fail berkenaan kepada Y.A. Tuan Low Hop Bing, selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh perbicaraannya.

4. Kes-kes untuk perbicaraan di dalam Kamar yang telah difailkan sebelum tarikh surat ini dan juga kes-kes untuk perbicaraan di Mahkamah terbuka hendaklah terus didengar oleh Yang Arif-Yang Arif Hakim-Hakim Mahkamah berkenaan.

...2/-

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



( RAMLY BIN HAJI ALI )  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.

s.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
2. Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
3. Y.A. Hakim Mahkamah Tinggi,  
Kuala Lumpur.
4. Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung Malaysia.

RHA/feh